

Gagasan Lee Kuan Yew dalam Perjuangan Konsep Malaysian Malaysia: Persoalan Tentang Kedudukan Hak Keistimewaan Orang Melayu

Lee Kuan Yew's Ideas In The Struggle of The Malaysian Malaysia Concept: Question About The Special Position of The Malays

MUHAMMAD HAFIZ ISA

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Corresponding author: hfzhafiz25@gmail.com

Received: 4 April 2023 Accepted: 20 June 2023

Abstrak

Konsep Malaysian Malaysia merupakan sebuah idea ke arah usaha pembinaan negara bangsa yang digagaskan oleh Lee Kuan Yew. Konsep ini mendapat sokongan kalangan parti bercorak pelbagai kaum yang membentuk sebuah gabungan iaitu dikenali sebagai *Malaysian Solidarity Convention* (MSC). Dibalik itu, terdapat reaksi penentangan pemimpin politik Melayu yang menganggap konsep tersebut mengancam kedudukan hak istimewa orang Melayu. Justeru itu, timbul persoalan tentang kedudukan hak istimewa orang Melayu dalam konsep Malaysian Malaysia. Hal demikian kerana konsep ini bermatlamat memperjuangkan pembentukan negara berdasarkan corak kepelbagaian kaum dan menolak penguasaan sesuatu kaum. Namun begitu, Lee Kuan Yew berusaha menegaskan bahawa Malaysian Malaysia tidak bermatlamat untuk menentang peruntukan tersebut. Maka, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis apakah konsep Malaysian Malaysia bermatlamat menentang hak istimewa orang Melayu. Pandangan pemimpin UMNO mengenai matlamat konsep ini yang menyentuh peruntukan hak istimewa juga dibawa dalam perbincangan. Kajian ini menggunakan metodologi kajian sejarah dengan menganalisis dokumen seperti DO 169/526, DO 169/529, DO 169/530 dan penyata perbahasan parlimen. Dapatan kajian mendapati, pendirian yang disuarakan Lee Kuan Yew mengenai soal kedudukan keistimewaan orang Melayu dilihat tidak begitu jelas dan kontradik. Usaha Lee Kuan Yew memulihkan pandangan negatif pemimpin Melayu terhadap konsep Malaysian Malaysia tetap tidak memberi sebarang kesan seperti diharapkan. Pemimpin UMNO memiliki hujah dalam mempercayai bahawa konsep Malaysian Malaysia bermatlamat menentang kedudukan hak istimewa.

Kata kunci: Malaysian Malaysia; Hak Istimewa Melayu; Perkara 153; Lee Kuan Yew; UMNO

Abstract

The Malaysian Malaysia concept is an idea for nation-building efforts that was initiated by Lee Kuan Yew. This concept received support from multiracial political parties by forming a coalition known as the Malaysian Solidarity Convention (MSC). Beside that, there was a reaction of opposition from Malay political leaders, who consider this concept to threaten the special position of the Malays. Therefore, there is a question about the special position of the Malays in the Malaysian Malaysia concept. This is because this concept aims to fight for the formation of a nation based on racial diversity and against the dominance of a race. However, Lee Kuan Yew tried to emphasise that the Malaysian Malaysia concept does not intend to oppose the special rights. So, the objective of this study is to analyse whether the concept of Malaysian Malaysia aims to oppose Malay special rights.

Views on the issue of a special position were also evaluated based on the views of UMNO leaders. This research used a history methodology to analyse such documents as DO 169/526, DO 169/529, DO 169/530 Parliamentary Debates Official Reports. Lee Kuan Yew's stance on the special position of the Malays is somewhat ambiguous and contradictory. Lee Kuan Yew's efforts to restore the negative view of Malay leaders towards the Malaysian Malaysia concept have had no effect. UMNO leaders have their own arguments for believing that the concept of Malaysian Malaysia aims to oppose the special position of the Malays.

Keywords: Malaysian Malaysia; Malay Special Position; Article 153; Lee Kuan Yew; UMNO

Pengenalan

Penglibatan Lee Kuan Yew bersama People's Action Party (PAP) dalam politik Malaysia pada tempoh 1963 hingga 1965 telah mencetuskan cabaran kepada politik Melayu. Terdapat cabaran yang dihadapi UMNO sebagai parti pemerintah Kerajaan Pusat dalam menghadapi tekanan politik Lee Kuan Yew. Selain itu, kedudukan UMNO sebagai parti Melayu juga berhadapan dengan cabaran terutama sekali melibatkan tindakan pemimpin PAP itu yang mengagaskan konsep Malaysian Malaysia. Timbul reaksi negatif yang menganggap bahawa konsep Malaysian Malaysia dapat menimbulkan ancaman kepada kepentingan orang Melayu dengan turut melibatkan kedudukan hak istimewa orang Melayu.

Hak keistimewaan orang Melayu merupakan peruntukan dalam perlembagaan yang menjamin kedudukan istimewa melibatkan tanah rizab Melayu, perkhidmatan awam, permit dan lesen perniagaan atau perusahaan dan biasiswa pelajaran kepada orang Melayu.¹ Peruntukan tersebut dinyatakan dalam Perkara 153 dengan diletakkan di bawah perlindungan kuasa Yang di-Pertuan Agong. Kedudukan istimewa orang Melayu telah diperuntukan dalam penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 melalui Perkara (1) (d). Pengiktirafan terhadap kedudukan ini kemudian telah diterima dalam laporan Suruhanjaya Reid yang diperuntukan di bawah Perkara 153 bagi penggubalan Perlembagaan Persekutuan 1957.² Penggabungan Singapura, Sabah dan Sarawak bersama Persekutuan Tanah Melayu yang membentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 pula tidak menjejaskan kedudukan keistimewaan orang Melayu. Malah peruntukan perlembagaan ini terus dilindungi dalam perlembagaan negara dan diperluaskan dengan merangkumi keistimewaan terhadap bumiputera di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, terdapat perasaan kurang senang daripada gerakan politik bukan Melayu yang menuntut kesamarataan hak antara kaum.³ Pemberian hak keistimewaan kepada orang Melayu mendapat penentangan kerana dianggap mengetepikan hak kepentingan kaum bukan Melayu.

Perjuangan Konsep Malaysian Malaysia

Konsep Malaysian Malaysia merupakan sebuah idea pembinaan negara bangsa berhasrat untuk membentuk penyatuan rakyat Malaysia agar dapat keluar daripada lingkungan perkauman dan perbezaan agama. Konsep ini memperjuangkan Malaysia sebagai milik bersama masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar kaum dan menentang penguasaan sesuatu kaum atau mana-mana kelompok. Penguasaan sesuatu kaum ini merangkumi pembentukan identiti negara secara bersama yang tidak dibentuk berdasarkan sesuatu kaum. Sehubungan itu, konsep Malaysian Malaysia diangkat bagi melahirkan Malaysia berdasarkan konsep berbilang kaum sebagai sebuah bangsa yang demokrasi, iaitu disebut "*Malaysia yang demokratik dan berbangsa Malaysia*" atau "*A Democratic, Malaysian Malaysia*".⁴

Malaysia sebagai sebuah negara baru yang dibentuk melibatkan penyatuan wilayah geografi baru bersama kewujudan masyarakat baru yang berbilang kaum, budaya, bahasa dan perbezaan agama. Kepelbagaian dan perbezaan tersebut telah mendorong konsep ini digagaskan sebagai idea untuk membentuk satu bangsa tunggal, bahasa kebangsaan, penolakan politik perkauman dan kesamarataan berdasarkan prinsip demokrasi. Walau bagaimanapun, Lee Kuan Yew menyebut bahawa penyatuan rakyat Malaysia sukar dilakukan kerana terdapat suasana politik perkauman di Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi amalan bagi parti pemerintah Kerajaan Pusat.⁵ Pemimpin PAP itu juga menyifatkan terdapat penguasaan sesuatu kaum yang dibentuk oleh parti pemerintah iaitu UMNO untuk mewujudkan dominasi Melayu. Beliau tidak bersetuju dengan penguasaan sesuatu kaum iaitu berdasarkan idea “Malay Malaysia”. Dinyatakan bahawa pendekatan tersebut adalah bertentangan dengan hasrat pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara pelbagai kaum. Idea tersebut yang membawa penguasaan sesuatu kaum ke atas kaum lain dianggap mampu memberikan kesan negatif terhadap penerimaan pihak Singapura dan kelompok kaum Cina di Singapura dan di Persekutuan Tanah Melayu.⁶ Hujah Lee Kuan Yew dalam menolak penguasaan sesuatu kaum ini, beliau menyifatkan bahawa Malaysia hanya sesuai untuk dibentuk berdasarkan corak identiti pelbagai kaum kerana tiada satu kaum majoriti di Malaysia.

Lee Kuan Yew menolak pandangan politik pemimpin utama UMNO itu, iaitu “*Their view of the future was not of one in which the races would gradually be brought to a state when they would all work together on a basis of equality, but of one in which all the other races would gradually be turned into Malays*”.⁷ Beliau menolak corak negara Melayu berdasarkan kedudukan orang Melayu yang bukan merupakan kaum majoriti iaitu hanya memiliki 39 peratus daripada jumlah populasi. Selebihnya penduduk di Sabah, Sarawak dan Singapura yang terdiri daripada pelbagai kaum dianggap tidak akan menerima rupa bangsa Melayu sebagai identiti kebangsaan.⁸ Selain itu, Lee Kuan Yew menegaskan penolakan tersebut dengan berhujah bahawa tiada kaum di Malaysia yang boleh dianggap peribumi di negara ini. Beliau merujuk kepada konteks Tanah Melayu dan Singapura iaitu tiada satu daripada 3 kelompok kaum utama sama ada Melayu, Cina dan India yang boleh dianggap lebih peribumi berbanding kaum lain.⁹ Justeru itu, konsep Malaysian Malaysia digagaskan sebagai idea untuk menentang politik perkauman dengan membentuk Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan menolak penguasaan sesuatu kaum.

Konsep Malaysian Malaysia mendapat sokongan parti-parti pembangkang yang membentuk sebuah gabungan iaitu dikenali sebagai *Malaysian Solidarity Convention* (MSC). Lee Kuan Yew bersama pemimpin PAP lain seperti Toh Chin Chye dan S. Rajaratnam telah mengusahakan pembentukan gabungan ini untuk mendapat sokongan dan membentuk kekuatan dalam memperjuangkan konsep ini. Seterusnya, sebagai tindak balas kepada UMNO terutamanya golongan pemimpin yang disebut sebagai chauvinis atau ultra dalam UMNO yang mempertahankan dominasi Melayu. Usaha pembentukan MSC dijelaskan;

This Convention is being called to disabuse those who believe that Malaysians are not prepared to defend their objective of a Malaysian Malaysia. We believe a Malaysian Malaysia had the support of the vast majority of Malaysians. But because they have so far remained passive and silent chauvinist elements have been misled into believing otherwise.¹⁰

Konsep Malaysian Malaysia yang memperjuangkan kepentingan sebuah negara berbilang kaum dan menolak penguasaan sesuatu kaum ini berjaya mendapat sokongan. MSC mendapat sokongan parti-parti pembangkang yang terdiri daripada parti bercorak pelbagai kaum. MSC merupakan sebuah gabungan parti-parti politik pembangkang yang dibentuk secara rasmi pada 9 Mei 1965 iaitu

terdiri daripada penyertaan *People's Action Party* (PAP), *United Democratic Party* (UDP), *People's Progressive Party* (PPP), *Sarawak United Peoples' Party* (SUPP) dan Parti Machinda. Gabungan ini dibentuk bertujuan mengangkat perjuangan Malaysian Malaysia yang memiliki tiga matlamat utama iaitu dibentuk berdasarkan asas prinsip pembentukan Malaysia;

1. *Malaysia should be a democratic society where legitimate differences of views provided they accept undivided loyalty to the Malaysian nation should be permitted and where individuals and political parties should be permitted and where persuade its citizens, by constitutional means, to their particular point of view.*
2. *Malaysia being a multi-racial and multi-cultural society must show respect and tolerance for legitimate diversity provided these do not weaken Malaysian unity or hamper loyalty to Malaysia.*
3. *Malaysia was conceived as belonging to Malaysians as a whole and not to any particular community or race.¹¹*

Penyertaan parti daripada seluruh Malaysia dan bercorak pelbagai kaum dalam MSC memberi kepentingan dalam menonjolkan bahawa konsep ini mendapat sokongan semua kaum secara menyeluruh.¹² MSC juga mahu dibentuk sebagai sebuah gabungan nasional dengan mengelak daripada dilihat sebagai perjuangan politik yang didominasi kaum Cina dan berorientasikan Singapura atau PAP.¹³ Selain itu, pembentukan MSC turut mahu dielak sebagai sebuah gabungan politik yang menentang kepentingan orang Melayu. Hal demikian termasuk menolak sebarang dakwaan bahawa perjuangan konsep Malaysian Malaysia bertujuan untuk menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu.

Hak Keistimewaan Orang Melayu dalam Konsep Malaysian Malaysia

Malaysian Malaysia merupakan konsep yang memperjuangkan corak kepelbagaian kaum dan menolak penguasaan atau dominasi sesuatu kaum ke atas kaum lain. Perjuangan konsep ini telah menimbulkan reaksi negatif pemimpin politik Melayu terutamanya UMNO. Timbul kesangsian dan pandangan bahawa konsep Malaysian Malaysia bertujuan menentang kepentingan dan dominasi politik Melayu. Hal ini merangkumi kebimbangan tentang matlamat perjuangan konsep ini yang dianggap mahu menentang kedudukan hak istimewa orang Melayu sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan Malaysia. Walau bagaimanapun, Lee Kuan Yew menolak pandangan yang mendakwa konsep Malaysian Malaysia bertujuan menentang hak istimewa orang Melayu. Beliau menjelaskan bahawa penolakan penguasaan sesuatu kaum seperti dinyatakan dalam idea Malaysian Malaysia dan dominasi Melayu yang pernah disebut adalah tidak merujuk kepada peruntukan tersebut. Sebaliknya, dijelaskan bahawa pernyataan itu adalah merujuk kepada penguasaan atau dominasi Melayu dalam politik.¹⁴

Penguasaan Melayu dalam politik dan pemerintahan Kerajaan Pusat tidak dipersetujui dan ditolak kerana disifatkan telah memberi kesan kepada bentuk dasar kerajaan yang lebih memihak kepada orang Melayu. Keadaan tersebut mahu diubah parti dalam gabungan MSC yang berpegang kepada prinsip kesamarataan melibatkan soal politik. Selain itu, dominasi politik Melayu turut dilihat seakan membataskan penglibatan politik orang bukan Melayu. Lee Kuan Yew merumuskan bahawa dominasi sesuatu kaum dalam politik ini membuatkan kaum lain terutamanya kaum Cina untuk hanya perlu berpuas hati dalam penglibatan lapangan perniagaan sahaja.¹⁵ Kedudukan kuasa politik orang bukan Melayu dianggap seperti tidak penting dan tidak memiliki pengaruh. Lee Kuan Yew

memberikan pandangan iaitu wujudnya keperluan faktor undi Melayu bagi memastikan seseorang itu dapat menduduki jawatan seperti ketua kerajaan. Situasi ini seolah perlunya mendapat keabsahan daripada orang Melayu yang disifatkan sukar untuk menerima calon selain daripada kaumnya kerana wujudnya faktor komunal daripada parti Melayu.¹⁶ Oleh itu, konsep konsep Malaysian Malaysia digagaskan untuk memperjuangkan kesamarataan dalam politik iaitu menuntut semua rakyat Malaysia memiliki hak politik yang sama tanpa dibeza berdasarkan kaum atau agama.

Lee Kuan Yew merujuk kepada perlembagaan persekutuan yang tidak menyatakan peruntukan atau menyebut bahawa orang Melayu mesti mempunyai hak politik melebihi daripada kaum lain. Sekaligus, pemimpin Singapura itu cuba menjelaskan matlamat perjuangan yang menolak dominasi politik Melayu ini tidak bertentangan dengan perlembagaan. Beliau menegaskan, penglibatan politik kaum lain tidak harus diketepikan kerana semua rakyat Malaysia perlu mempunyai hak yang sama dalam menentukan nasib negara ini.¹⁷ Matlamat ini disokong oleh pemimpin parti gabungan MSC iaitu parti Machinda. Pengerusi parti, M. Buma menegaskan dominasi sesuatu kaum tidak wajar berlaku kerana Malaysia dimiliki semua rakyat secara keseluruhan dan bukannya Kerajaan Pusat yang dikuasai penguasaan Melayu.¹⁸

Dominasi politik Melayu dinyatakan mewujudkan persepsi negatif kalangan kelompok orang bukan Melayu yang merasakan bahawa kedudukan mereka dipinggirkan. Terdapat suara daripada orang Cina yang mengakui bahawa negara ini pada dasarnya adalah milik orang Melayu, tetapi pada masa sama enggan menerima dominasi Melayu dalam politik. Keadaan dominasi yang dirasakan ini menyebabkan orang Cina merasakan seperti warga kelas kedua di negara ini dan merasakan kehidupan mereka bakal menjadi sukar.¹⁹ Selain itu, orang bukan Melayu juga merasakan seolah wujudnya kawalan hak dalam politik. Perkara demikian menjelaskan kesan negatif dominasi sesuatu kaum ke atas kaum yang lain sehingga menimbulkan sentimen dalam sebahagian masyarakat.²⁰ Sehubungan itu, Lee Kuan Yew sering kali menyuarakan ketegasan untuk menolak bentuk hegemoni yang hanya memberi keutamaan politik kepada orang Melayu. Beliau menyatakan bahawa pembentukan Persekutuan Malaysia harus diakui dibentuk berdasarkan kepentingan semua masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan keadaan di Malaysia juga didiami oleh orang bukan Melayu yang turut berhak mendapatkan hak politik. Oleh sebab itu sebarang keistimewaan yang diterima orang Melayu juga harus dinikmati bersama kaum-kaum lain. Perkara ini membawa kepentingan untuk memperjuangkan konsep Malaysian Malaysia secara berpelembagaan dan demokrasi agar matlamat mewujudkan sebuah masyarakat yang memiliki persamaan hak dapat dicapai.²¹ Berikut merupakan hujah Lee Kuan Yew dalam menyatakan perjuangan konsep kesamarataan dan penolakan dominasi kaum Melayu. Dijelaskan bahawa tujuan prinsip tersebut adalah menyentuh kepada kesamarataan dalam politik dan tidak bertujuan menentang hak istimewa orang Melayu.

Lee Kuan Yew berusaha menepis dakwaan bahawa perjuangan konsep Malaysian Malaysia dapat mengancam hak keistimewaan orang Melayu. Beliau berucap mengenai konsep Malaysian Malaysia dalam perbahasan parlimen sebagai usaha menjelaskan pendirian mengenai penerimaan kedudukan hak istimewa orang Melayu dan peribumi di Sarawak dan Sabah. Turut dijelaskan bersama penerimaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, “Kita terima bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, sanggup dengan sepenuhnya. Kita tidak bantah hak-hak istimewa yang dicatatkan di dalam Perlembagaan Malaysia. Kita Sokong dengan sepenuhnya Artikel 153”. Dalam perbahasan sama beliau juga sekali lagi menegaskan pendirian menyokong hak keistimewaan orang Melayu;

We stand by this Constitution. We intend, in accordance with the Oath we have taken, to preserve, to protect and defend it. This Constitution provides, amongst other things, that all the fundamental rights of all Malaysian citizens are equal as set out in Part II of the Constitution—Fundamental Liberties in accordance with our obligations as

*Malaysian citizens. We accept the duty of all Malaysian citizens to have reservation of quotas in respect of services, permits, etc., for Malays in the States of Malaya, Sabah, Sarawak and, by an amendment of the Malaysia Agreement, the indigenous people of Sabah and Sarawak. We accept it and honour that obligation.*²²

Perbincangan Lee Kuan Yew dalam parlimen memperlihatkan kesungguhannya memulihkan pandangan negatif orang Melayu. Pemimpin Singapura itu sering menegaskan pendiriannya yang tidak menolak kedudukan hak istimewa. Namun begitu, beliau cenderung mempertikaikan pelaksanaan hak istimewa oleh pentadbiran Kerajaan Pusat yang dianggap tidak begitu efektif dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu. Lee Kuan Yew menyuarakan pandangan iaitu menolak kedudukan hak istimewa digunakan untuk memberi kelebihan kepada pemodal Melayu.²³ Penolakan ini merupakan ideologi PAP iaitu berdasarkan demokrasi sosialis dan prinsip kesamarataan.

Kerajaan Pusat yang tertumpu kepada UMNO dilihat mahu melahirkan kumpulan kapitalis Melayu menerusi kecenderungan menyediakan manfaat hak istimewa kepada kumpulan borjuis atau pemilik modal Melayu. Tindakan demikian dikritik kerana tidak memberikan faedah kepada keseluruhan orang Melayu di mana kebanyakannya merupakan golongan petani dan nelayan yang tinggal di luar bandar. Justeru tidak memberi kesan ke arah penyelesaian ekonomi keseluruhan masyarakat Melayu, peribumi Sarawak dan Sabah ke tahap lebih baik.²⁴ Sebaliknya hanya memberi manfaat melibatkan sebilangan kecil orang Melayu sahaja yang dibantu untuk menjadi kapitalis. Keadaan demikian membuatkan kebanyakan orang Melayu sendiri tidak mendapat peluang ekonomi yang sama berikutan peluang tersebut hanya tertumpu kepada golongan elit Melayu.²⁵ Malah, kemunculan golongan kapitalis Melayu yang cuba dilahirkan dan dipelihara kekayaannya pula dikhuatiri tidak menyediakan peluang ekonomi yang sama kepada keseluruhan masyarakat Malaysia.²⁶ Lee Kuan Yew sebaliknya menyatakan hujah tersebut sebagai alasan menolak keperluan kedudukan hak istimewa untuk digunapakai di Singapura. Pendirian tersebut adalah berdasarkan keyakinan terhadap ideologi demokrasi sosialis yang mampu menyelesaikan masalah ekonomi orang Melayu di Singapura tanpa perlu ada kedudukan hak istimewa.²⁷ Lee Kuan Yew mengangkat ideologi demokrasi sosialis dengan mengambil contoh pelaksanaannya di Singapura iaitu berdasarkan pendekatan membangunkan potensi ekonomi dan pendidikan orang Melayu. Beliau mempromosikan ideologi ini yang disifatkan mampu membentuk pembangunan ekonomi secara adil dan saksama antara masyarakat tanpa mengetepikan kaum lain.²⁸

Matlamat Menentang Hak Istimewa Melayu Berdasarkan Pandangan Pemimpin Umno

Sikap Lee Kuan Yew

Usaha Lee Kuan Yew menafikan penolakan terhadap hak istimewa orang Melayu tetap tidak memulihkan kepercayaan pemimpin politik Melayu. Sebaliknya pemimpin Singapura itu dianggap cuba beralih dan berselindung. Pemimpin UMNO mempercayai bahawa konsep Malaysian Malaysia merupakan idea yang memperjuangkan kesamarataan antara kaum dengan menolak kedudukan hak keistimewaan orang Melayu. Kepercayaan tersebut adalah berdasarkan tindakan Lee Kuan Yew yang sering mengeluarkan kenyataan menggambarkan penolakannya terhadap hak keistimewaan Melayu. Namun begitu penolakan cuba disampaikan secara tersirat berdasarkan tindakannya yang sering menguak keadaan orang Melayu Singapura tanpa peruntukan tersebut. Juga timbul kesangsian berikutan tindakan pemimpin PAP itu yang berulang mengangkat dan mempromosikan ideologi demokrasi sosialis sebagai langkah penyelesaian berbanding kedudukan hak istimewa. Lantas sikap itu disifatkan oleh pemimpin UMNO sebagai penolakan secara tidak langsung terhadap hak istimewa.

Setiausaha Agung UMNO, Syed Jaafar Albar memberikan reaksi mengatakan bahawa PAP cuba berselindung dibalik perjuangan menentang politik perkauman. Sebaliknya niat sebenar adalah mahu menentang hak keistimewaan orang Melayu.²⁹ Selain itu, pandangan pemimpin UMNO yang melihat maksud tersirat Lee Kuan Yew juga adalah berdasarkan kenyataannya yang mempertikaikan bilangan dan kedudukan orang Melayu sebagai peribumi.³⁰ Kenyataan tersebut telah mengundang ketidakyakinan dan kemarahan pemimpin UMNO. Pemuda UMNO, Senu Abdul Rahman mempertikaikan tindakan pemimpin PAP itu yang sering mengulangi kenyataan mengenai jumlah orang Melayu iaitu sebanyak 39% bagi mengatakan tiadanya kaum majoriti di Malaysia. Lee Kuan Yew dikecam, “Apa lagi yang mereka mahu? Apa lagi orang-orang Melayu hendak serahkan kepada mereka? Malangnya tolak ansur kita selama ini dijadikan oleh Lee Kuan Yew sebagai senjata untuk menikam kita”.³¹ Pemimpin UMNO lain, Othman Abdullah turut mengkritik tindakan Lee Kuan Yew sebagai satu ancaman. Kritikan tersebut disuarakan dalam perbahasan parlimen;

“Sebelum daripada Malaysia ini lahir dan sesudah Malaysia ini lahir satu dua bulan dan setahun, kita tidak pernah mendengar suatu cabaran terhadap kedudukan keistimewaan dan peranan yang diambil oleh orang Melayu dalam negeri ini sendiri. Kita belum pernah mendengar cabaran itu, hatta Inggeris sekali pun belum pernah cuba dengan celupar mulutnya mengatakan ‘bahawa kamu, hai orang Melayu, tidak berhak dalam negeri ini’. Tidak pernah kita dengar. Tetapi kita dengar dari orang Singapura, dari PAP, dari Harry Lee Kuan Yew, yang mengatakan orang Melayu tidak boleh menganggap diri-nya bumiputra dalam negeri mi. Manakah lebih bahaya, Tuan Yang di-Pertua, daripada British dahulu?”³²

Othman Abdullah mengecam sikap Lee Kuan Yew yang mempertikaikan kedudukan orang Melayu sebagai peribumi atau bumiputera. Tindakan pemimpin Singapura itu didakwa bertujuan untuk mencabar hak istimewa Melayu. Beliau mempertikaikan tujuan sebenar Lee Kuan Yew, “Kenapa masalah mengganggu kedudukan orang Melayu: awak 40 peratus, awak 20 peratus, awak 50 peratus kenapa sekarang ini mesti dibangkitkan? Pernahkah orang Melayu dalam negeri ini membangkit-bangkitkan masaalah - hai awak ada 80 peratus ekonomi ditangan awak?”.³³ Manakala, pemimpin PAS berkongsi pandangan sama dalam menilai tindakan sikap Lee Kuan Yew terhadap kedudukan hak istimewa Melayu. Pemimpin PAS, Abdul Samad Gul Ahmad menggunakan ruang perbahasan parlimen untuk menyifatkan, “hanya orang yang tidak berbudi sahaja sanggup mengatakan begini”.³⁴ Perkembangan politik pada tempoh ini, PAS mengambil pendirian menentang konsep Malaysian Malaysia dan menyatakan ikrar untuk berdiri teguh menentang MSC. Pendirian PAS adalah kerana konsep Malaysian Malaysia bermatlamat menghapuskan kedudukan istimewa orang Melayu.³⁵ Provokasi Lee Kuan Yew yang menyentuh soal orang Melayu menyebabkan pemimpin PAS memberikan sokongan kepada UMNO dalam menentang PAP dan MSC.³⁶ Dapat disimpulkan bahawa UMNO dan PAS sebagai politik Melayu memiliki pandangan sama berkenaan persoalan kedudukan hak keistimewaan orang Melayu dalam perjuangan konsep Malaysian Malaysia.

Idea Tidak Jelas dalam Konsep Malaysian Malaysia

Konsep Malaysian Malaysia tetap menimbulkan kesangsian dipihak pemimpin politik Melayu. Idea kesamarataan yang diperjuangkan dalam konsep ini tidak hanya menyentuh berkenaan dominasi politik Melayu tetapi dipercayai turut menyentuh soal kedudukan hak istimewa Melayu. Meskipun penubuhan MSC tidak menyebut tentang matlamat perjuangan menolak hak istimewa Melayu tetapi perjuangan Malaysian Malaysia yang meletakkan matlamat menolak penguasaan sesuatu kaum ini

dinilai bertentangan dengan konsep memberikan hak istimewa kepada satu golongan rakyat tertentu.

Hujah pemimpin UMNO, sebuah negara yang berpegang kepada idea tersebut adalah mustahil untuk mengamalkan dasar “hak istimewa” kepada golongan tertentu.³⁷ Hujah tersebut telah memperkuat pandangan tentang sikap Lee Kuan Yew. Lantas menimbulkan persoalan mengenai maksud dan tujuan sebenar konsep Malaysian Malaysia. Dakwaan tentang kononnya Malaysian Malaysia tidak bertujuan menolak hak istimewa ini menimbulkan keraguan. Hal ini kerana, pemimpin UMNO menyifatkan Malaysian Malaysia merupakan konsep yang sama seperti diamalkan Perikatan. Persamaan tersebut adalah jika benar bahawa konsep itu tidak bermatlamat menentang kedudukan hak istimewa. Atas persamaan itu, konsep Malaysian Malaysia disifatkan tidak mempunyai sebarang makna baru. Justeru itu, tindakan Lee Kuan Yew masih menggagaskan konsep yang sudah wujud ini menimbulkan persoalan tentang pendirian sebenar terhadap hak istimewa. Syed Jaafar Albar menimbulkan persoalan itu dalam perbahasan parlimen;

“Malaysian Malaysia pada kita, kita sudah tahu maknanya dan tujuannya. Tetapi Malaysian Malaysia yang dalam otak dan perutnya, saya tidak tahu apa dia. Dan dia pun tidak terangkan apa dia itu Malaysian Malaysia dalam keterangannya tadi. Adakah kerana Malaysia mempunyai terkandung hak-hak istimewa orang Melayu dan bumiputera, maka itu tidak akan menjadikan Malaysian”.³⁸

Pandangan sama turut dinyatakan seorang pemimpin UMNO iaitu Ali bin Hj. Ahmad. Hujahnya, “kita Perikatan telah mengamalkan, bahkan sebelum Malaysia sekali pun kita telah mengamalkan negara ini untuk seluruh rakyatnya... Tetapi kita memanglah sudah sebenarnya menganut dan mengamalkan fahaman, dahulu Malayan Malaya, dan sekarang sudah pastilah Malaysian Malaysia.”³⁹ Perikatan yang mengamalkan dasar toleransi antara kaum dalam sama mengangkat kepentingan masyarakat pelbagai kaum disifatkan mempunyai persamaan dengan konsep Malaysian Malaysia tetapi hanya dibezakan dengan persetujuan terhadap kedudukan hak keistimewaan orang Melayu. Sehubungan itu, kenyataan Lee Kuan Yew yang menegaskan persetujuan terhadap kedudukan hak istimewa tetap menimbulkan persoalan. Bahkan, pemimpin UMNO menolak kononnya hak istimewa itu dipersetujui kerana peruntukan tersebut bertentangan dengan konsep Malaysian Malaysia yang memperjuangkan kesamarataan dan menolak penguasaan sesuatu kaum.

Dakwaan Lee Kuan Yew Mengkritik Kedudukan Hak Istimewa

Timbul keyakinan pemimpin UMNO dalam mempercayai pendirian tidak bersetuju Lee Kuan Yew terhadap kedudukan hak keistimewaan orang Melayu. Lee Kuan Yew sebelum ini pernah menimbulkan kritikan yang menyentuh soal hak istimewa orang Melayu iaitu menerusi ucapannya di hadapan pelajar Malaysia ketika lawatan ke London, “*Malaysian survives or fails, depending on whether we set out to create a Malaysian nation or a Malay nation with special rights reserved for Malays*”.⁴⁰ Kenyataan tersebut memberikan kesan kepada pemimpin politik Melayu yang menganggap Lee Kuan Yew secara jelas menolak hak istimewa orang Melayu.

Sementara itu, terdapat tindakan Lee Kuan Yew yang dianggap melampaui batas dalam menyuarakan kritikan mengenai hak istimewa. Terdapat laporan mengatakan bahawa pemimpin Singapura itu telah mengeluarkan kenyataan yang mendakwa terdapat penguasaan sesuatu kaum dan layanan tidak adil kepada orang bukan Melayu di Malaysia. Orang Melayu dinyatakan mengawal pemerintahan Malaysia dan memiliki kecenderungan untuk mengutamakan dasar yang memihak kepada satu kaum iaitu kaum Melayu sahaja. Kesannya, terdapat layanan tidak adil kepada orang Cina dalam setiap bidang. Tindakan Tunku mengarahkan penutupan Bank of China yang telah

memberi kesan kepada penutupan peniagaan kecil orang Cina merupakan antara dakwaan yang ditimbulkan Lee Kuan Yew. Dakwaan tersebut disebarkan kepada wartawan ketika lawatannya ke England dan Perancis.⁴¹ Tindakan ini bukan sahaja dianggap sebagai provokasi kepada kerajaan Pusat yang melampaui batas. Lee Kuan Yew dianggap memiliki motif untuk menimbulkan kekeliruan terhadap hak istimewa dan secara jelasnya menolak peruntukan tersebut. Biarpun Lee Kuan Yew cuba menafikan penglibatannya yang ada mengeluarkan kenyataan sebegini, tetapi penafian itu tidak memberikan kesan kepada pemimpin UMNO yang tetap mempercayai perkhabaran tersebut. Othman Abdullah mewakili pandangan pemimpin UMNO menyuarakan keraguan mengenai kononnya konsep Malaysian Malaysia tidak menolak hak istimewa orang Melayu.⁴²

Ketidapercayaan berdasarkan sikap Lee Kuan Yew yang sering mengeluarkan kenyataan dan menafikan meskipun kenyataan tersebut dapat dibuktikan benar. Manakala, Ali bin Hj. Ahmad secara sinis berkata, “memang perkara biasa bagi pemimpin-pemimpin PAP. Membuat sesuatu *statement*, kemudian menafikannya. Buat *statement* didalam atau diluar negeri, kemudian senang-senang pergi jumpa kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, menafikan, kata tidak”.⁴³ Tindakan Lee Kuan Yew membuat kritikan dan dakwaan mengenai dasar memihak satu kaum ke negara luar dianggap melampaui batas. Keadaan ini telah meningkatkan kemarahan dan ketegangan konflik melibatkan pemimpin UMNO dengan PAP. Malah lebih meyakinkan bahawa perjuangan konsep Malaysian Malaysia mahu mencabar hak istimewa orang Melayu. Seinggakan Lee Kuan Yew telah dianggap sebagai musuh yang lebih serius berbanding konfrontasi Indonesia yang sedang berlaku pada tempoh itu.⁴⁴ Maka, usaha Lee Kuan Yew memulihkan kepercayaan mengenai soal kedudukan hak istimewa tidak memberi kesan kepada pandangan pemimpin UMNO. Pemimpin Singapura itu dikenali memiliki helah politik dan bersikap licik.

Penubuhan MSC Mengangkat Kepentingan Politik Bukan Melayu

Orang Melayu berpegang kepada idea politik yang berusaha mempertahankan dominasi dalam politik. Idea tersebut dipertahankan bagi menjamin kepentingan dan mengimbangi kedudukan orang Melayu dengan kaum lain. Hal demikian termasuk dalam melindungi kedudukan hak istimewa yang menjamin kepentingan orang Melayu. Namun begitu, Lee Kuan Yew dalam perjuangan Malaysian Malaysia telah menegaskan matlamat untuk menolak penguasaan sesuatu kaum iaitu merujuk kepada dominasi Melayu. Dapat ditafsirkan bahawa, konsep Malaysian Malaysia yang mengangkat corak kepelbagaian kaum dan menolak penguasaan kaum lain digagaskan sebagai lawan kepada idea politik Melayu yang mempertahankan dominasi dan kepentingan orang Melayu. Sehubungan itu, perjuangan konsep Malaysian Malaysia yang diperkuatkan dengan pembentukan MSC telah mempengaruhi pandangan pemimpin politik Melayu terhadap soal hak istimewa orang Melayu.

Penyertaan parti bercorak berbilang kaum dalam MSC telah memberikan signifikan kepada kekuatan perjuangan politik bukan Melayu. Kekuatan politik bukan Melayu yang terbentuk daripada gabungan ini menimbulkan kebimbangan kerana berpotensi mencabar dan memecahkan dominasi politik Melayu. Pembentukan MSC disifatkan cuba dibentuk berdasarkan sentimen perkauman politik bukan Melayu bagi menentang politik Melayu. Lantas memberikan isyarat kepada pemimpin UMNO yang mempercayai tujuan konsep Malaysian Malaysia digagaskan bertujuan menentang hak istimewa. Pandangan ini disentuh oleh Tun Razak melalui perbahasan parlimen;

*There is no need for him to sweeten the feelings of the Malays and the natives by saying that he supports the National language and Article 153 of the Constitution, i.e., the special position of the natives and of the Malays, when in actual fact he continuously, by words and deeds, undermines these two fundamentals.*⁴⁵

Lebih menimbulkan keraguan kepada pemimpin UMNO adalah kerana terdapat penglibatan parti seperti UDP, SUPP dan PPP sebagai rakan sekutu yang cenderung mengangkat kepentingan politik bukan Melayu. Tun Razak menimbulkan keraguan mengenai penerimaan gabungan parti dalam MSC terhadap soal bahasa kebangsaan dan peruntukan hak istimewa;

now the leader of this Solidarity group, stated repeatedly and stressed strongly that he would uphold the Constitution, and that he supports Malay as the National language of the country, and he supports Article 153 of the Constitution. Then we had another Member of this Solidarity Convention, the Honourable Member from Sarawak, the leader of the S.U.P.P., who said he did not support Malay as the National language and would have the other languages to be recognised as Official languages of the country. And then soon after that, we had the Member for Ipoh, the leader of the Peoples' Progressive Party. , who said, equally strongly, that he does not support Malay as the National language, as the sole Official language, and that he does not support Article 153 of the Constitution.⁴⁶

Ketidakyakinan timbul berdasarkan pengalaman UMNO yang pernah berhadapan tekanan daripada PPP dan UDP untuk menentang dominasi Melayu dalam pemerintahan kerajaan Perikatan. Sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia, PPP merupakan antara parti yang giat memperjuangkan kesamarataan antara kaum dan menuntut Persekutuan Tanah Melayu dibentuk berdasarkan corak pelbagai kaum.⁴⁷ Begitu juga UDP iaitu parti yang ditubuhkan oleh Lim Chong Eu kerana ketidakpuasan hati terhadap kepimpinan MCA mengenai soal pendidikan dan bahasa Cina.⁴⁸ Penglibatan dua parti ini dianggap berkongsi matlamat yang sama dengan parti lain dalam gabungan MSC iaitu berhasrat menentang kedudukan hak keistimewaan orang Melayu. Justeru itu, penglibatan parti tersebut dalam MSC telah menambah kekuatiran pemimpin politik Melayu yang mempercayai wujudnya ancaman terhadap hak istimewa orang Melayu.

Kesimpulan

Konsep Malaysian Malaysia telah mencetuskan reaksi negatif pemimpin politik Melayu terutamanya menyentuh soal kedudukan hak keistimewaan orang Melayu. Dapat disimpulkan bahawa, pendirian Lee Kuan Yew terhadap kedudukan hak istimewa dilihat tidak jelas. Lee Kuan Yew berusaha menegaskan pendirian menyokong hak keistimewaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perlembagaan. Konsep Malaysian Malaysia pula dikatakan tidak bermatlamat untuk menentang peruntukan tersebut. Sebaliknya hanya meletakkan matlamat menentang dominasi Melayu dalam politik. Namun begitu, pendirian tersebut disifatkan kontradik atau bertentangan dengan idea dalam konsep Malaysian Malaysia iaitu memperjuangkan kesamarataan dan menolak penguasaan sesuatu kaum yang juga boleh merujuk kepada soal hak istimewa.

Perjuangan konsep Malaysian Malaysia telah mendapat reaksi penentangan pemimpin politik Melayu yang percaya bahawa konsep ini memiliki matlamat untuk menentang hak istimewa orang Melayu. Malah terdapat kritikan dan kecaman daripada pemimpin UMNO yang memberikan reaksi balas. Lebih lagi, Lee Kuan Yew telah dikritik kerana cuba menafikan penolakannya terhadap hak istimewa. Sedangkan sikap dan tindakan pemimpin Singapura terhadap beberapa perkara seperti idea politik, sikap mewujudkan tekanan kepada UMNO dan pembentukan MSC sudah memperlihatkan secara jelas pendiriannya. Lantas, Lee Kuan Yew dianggap sebagai pemimpin politik yang memiliki helah iaitu cuba berselindung dibalik matlamat sebenar. Pemimpin UMNO memiliki hujah dalam menolak penafian Lee Kuan Yew dan mempercayai bahawa hak istimewa berada dalam keadaan

terancam. Tidak hanya sekadar berdasarkan sikap Lee Kuan Yew yang dianggap memiliki helah tetapi juga disebabkan pendirian politik yang menggagaskan perjuangan menuntut kesamarataan dan menolak penguasaan sesuatu kaum. Oleh sebab itu, usaha Lee Kuan Yew berusaha memulihkan pandangan pemimpin politik Melayu terhadap konsep Malaysian Malaysia tidak memberikan sebarang kesan.

Nota

¹ Ratnam K.J., *Communalism and the Political Process in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 109.

² Abdul Halim Ramli dan Mohammad Redzuan Othman, Gagasan Malaysian Malaysia wawasan PAP: Kesinambungan dan Penentangan Orang Melayu, 1964-1969, *Sarjana Journal*, Vol. 27, No.1, June, 2012, hlm. 57.

³ Ratnam K.J., Kuala Lumpur, 1965, hlm. 62.

⁴ Fail PDRM, SR/88: Annex B, Malaysian Solidarity Convention, hlm. 24.

⁵ Muhammad Hafiz Isa dan Mohd Samsudin, Malaysian Solidarity Convention (MSC): Pembentukan dan Perjuangan terhadap konsep Malaysian Malaysia, 1965-1966, *Akademika 91(3)*, 2021, hlm. 46.

⁶ PREM 12/429: Note of Meeting between the Prime Minister of Singapore, Mr. Lee Kuan Yew and Mrs. Lee Kuan Yew, the Deputy Secretary of State for Defence and Mrs. Mulley, Mr. J. Dromgoole, Private Secretary, and the Deputy High Commissioner, Mr. Moore, on 9th January 1965.

⁷ DO 169/526: Note for the Record, 18 July 1964.

⁸ DO 169/526: Note for the Record, 18 July 1964.

⁹ Lee Kuan Yew berhujah bawah tiada mana-mana kelompok kaum yang menduduki tanah air ini lebih daripada 1000 tahun iaitu berdasarkan konteks Tanah Melayu dan Singapura. Begitu juga kaum Melayu, beliau merujuk sejarah berdasarkan imigrasi Melayu ke "Malaysia" iaitu hanya berlaku sekitar 700 tahun lalu dan kira-kira satu pertiga daripada jumlah orang Melayu di Malaysia pada hari ini merupakan migrasi dari Indonesia. Sila lihat, DO 169/529: Guardian, Malaysian Animosity in Open Again: Plans for United Opposition, 1 May 1995.

¹⁰ DO 169/529: Statement by the Convenors of the Malaysia Solidarity National Convention.

¹¹ DO 169/529: Statement by the Convenors of the Malaysia Solidarity National Convention.

¹² Selain PAP, MSC mendapat penyertaan parti yang berorientasi di negeri Tanah Melayu iaitu UDP dan PPP. MSC juga disertai parti daripada Sarawak iaitu SUPP dan MACHINDA. Lee Kuan Yew sebelum ini pernah berusaha mendapatkan sokongan UPKO iaitu parti daripada Sabah. Wakil pemimpin parti itu dicatatkan hadir dalam pertemuan yang membincangkan mengenai penubuhan gabungan ini. Namun begitu, MSC berdiri tanpa penglibatan parti daripada Sabah setelah UPKO menolak untuk menyertai gabungan ini. Sila lihat, Muhammad Hafiz Isa dan Mohd Samsudin, 2021, 44-45.

¹³ DO 169/529: Sarawak United Peoples Party: Affiliations, by Special Branch Sarawak Constabulary, Kuching, 22 February 1965.

¹⁴ Premier Lee: Target is a Malaysian Malaysia, *The Straits Times*, 29 April 1965, hlm. 24.

¹⁵ Premier Lee: Target is a Malaysian Malaysia - *The Straits Times*, 29 April 1965, Page 24.

¹⁶ DO 169/530: Kuala Lumpur telegram No. 980 to Commonwealth Relations Office.

¹⁷ DO 169/529: Guardian, Mr. Lee Accused of Trying to end Malay Privileges, 28 May 1965.

¹⁸ Machinda: Sarawak Treated as 'Second Class...', *The Straits Times*, 11 Mei 1965, hlm. 9.

¹⁹ PREM 13/430: C.R.O. Ref: 2FE 37/30/1, Malaysia: Will it Succeed and How Long Will We Stay?.

²⁰ Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 2, 27th May, 1965, hlm. 553.

²¹ DO 169/529: British High Commission, KL.11/32/1, 25 May 1965.

²² Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 2, 27th May, 1965, hlm. 557.

²³ Lee Cabar: Mari Lawan Siapa Banyak Dirikan Rumah-rumah Murah, *Berita Harian*, 28 Mei 1965, hlm. 5.

- ²⁴ Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 2, 27th May, 1965, hlm. 557.
- ²⁵ Premier Lee: Target is a Malaysian Malaysia, *The Straits Times*, 29 April 1965, hlm. 24.
- ²⁶ Kuan Yew: Are there Enough Malaysians Now? *The Straits Times*, 1 Mac 1965, hlm. 20.
- ²⁷ DO 169/529: *The Malayan Times*, 25th February 1965.
- ²⁸ Hal ini merangkumi usaha meningkatkan pembangunan ekonomi melalui aspek pendidikan dan latihan agar keupayaan orang Melayu di Singapura dapat meningkat setanding kaum lain. Sila lihat, Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 2, 27th May, 1965, hlm. 554.
- ²⁹ Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 2, 27th May, 1965, hlm. 620.
- ³⁰ DO 169/529: British High Commission, 11 May 1965.
- ³¹ Senu, Albar Menjawab Lee Kuan Yew, *Berita Harian*, 25 Jun 1965, hlm. 1.
- ³² Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 1, 26th May, 1965, hlm. 143.
- ³³ Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 1, 26th May, 1965, hlm. 143.
- ³⁴ Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 4, 1 June 1965, hlm. 926.
- ³⁵ Sokong untuk Tentang Sikap Lee Kuan Yew, *Berita Harian*, 24 Mei 1965, hlm. 6.
- ³⁶ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2016, hlm. 334.
- ³⁷ Soal Pokok Samar-samar kerana Perdebatan Masih Kabur Lagi, *Berita Harian*, 29 Jun 1965, hlm. 4.
- ³⁸ Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 2, 27 May 1965, hlm. 621.
- ³⁹ Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 2, 27 May 1965, hlm. 548.
- ⁴⁰ DO 169/526: British High Commission, 30th September 1964.
- ⁴¹ Rozeman Abu Hasan, *Dasar British terhadap Hubungan Singapura, 1959-1969*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2016, hlm. 256.
- ⁴² Lee Kuan Yew mempertahankan penerimaan terhadap hak istimewa Melayu ketika perbahasan, beliau menyatakan, "Article 153, Reservation of quotas in respect of services, permits, etc., for Malays and just before that, Article 152, National Language. We uphold that, we accept it." Sila lihat, Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 2, 27 May 1965, hlm. 541.
- ⁴³ Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 2, 27 May 1965, hlm. 589.
- ⁴⁴ DO 169/530: Guidance Survey 19/65. Malaysia: Federal/State Relations.
- ⁴⁵ Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 5, 3 June 1965, hlm. 1007.
- ⁴⁶ Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report, Vol. II, No. 5, 3 June 1965, hlm. 1003.
- ⁴⁷ Platforms of Five Main Parties are Outlined, *The Singapore Free Press*, 19 August 1959.
- ⁴⁸ Dr. Lim and the UDP, *The Straits Times*, 28 April 1962, hlm. 18.

Rujukan

- Abdul Halim Ramli dan Mohammad Redzuan Othman. 2012. Gagasan Malaysian Malaysia wawasan PAP: Kesenambungan dan Penentangan Orang Melayu, 1964-1969. *Sarjana Journal*. Vol. 27, No.1, June: 72-94.
- Berita Harian*. 24 Mei 1965. Sokong untuk Tentang Sikap Lee Kuan Yew.
- Berita Harian*. 25 Jun 1965. Senu, Albar Menjawab Lee Kuan Yew.
- Berita Harian*. 28 Mei 1965. Lee Cabar: Mari Lawan Siapa Banyak Dirikan Rumah-Rumah Murah.
- Berita Harian*. 29 Jun 1965. Soal Pokok Samar-samar kerana Perdebatan Masih Kabur Lagi.
- DO 169/526: British High Commission. 30th September 1964.
- DO 169/526: Note for the Record, 18 July 1964.
- DO 169/529: British High Commission. KL.11/32/1. 25 May 1965.
- DO 169/529: British High Commission. 11 May 1965.

- DO 169/529: Guardian. Malaysian Animosity in Open Again: Plans for United Opposition. 1 May 1995.
- DO 169/529: Guardian. Mr. Lee Accused of Trying to end Malay Privileges. 28 May 1965.
- DO 169/529: Sarawak United Peoples Party: Affiliations, by Special Branch Sarawak Constabulary, Kuching. 22 February 1965.
- DO 169/529: Statement by the Convenors of the Malaysia Solidarity National Convention.
- DO 169/529: The Malayan Times. 25th February 1965.
- DO 169/530: Guidance Survey 19/65. Malaysia: Federal/State Relations.
- DO 169/530: Kuala Lumpur Telegram No. 980 to Commonwealth Relations Office.
- Fail PDRM. SR/88: Annex B, Malaysian Solidarity Convention.
- House of Representatives. 1965. Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report. 2(1): 3-490
Second Session of the Second Dewan Rakyat.
- House of Representatives. 1965. Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report. 2(2): 499-644. Second Session of the Second Dewan Rakyat.
- House of Representatives. 1965. Parliamentary Debates: Dewan Rakyat Official Report. 2(5): 979-1128. Second Session of the Second Dewan Rakyat.
- Mohd Samsudin. 2016. *Persekutuan Malaysia 1961- 1966: Penubuhan dan Cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hafiz Isa dan Mohd Samsudin, Malaysian Solidarity Convention (MSC): Pembentukan dan Perjuangan terhadap konsep Malaysian Malaysia, 1965-1966, *Akademika 91(3), 2021: 39-52*.
- PREM 12/429: Note of Meeting between the Prime Minister of Singapore, Mr. Lee Kwan Yew and Mrs. Lee Kwan Yew. the Deputy Secretary of State for Defence and Mrs. Mulley, Mr. J. Dromgoole, Private Secretary, and the Deputy High Commissioner, Mr. Moore, on 9th January 1965.
- PREM 13/430: C.R.O. Ref: 2FE 37/30/1. Malaysia: Will it Succeed and How Long Will We Stay?.
- Ratnam K.J. 1965. *Communalism and the Political Process in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rozeman Abu Hasan. 2016. *Dasar British terhadap Hubungan Singapura, 1959-1969*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- The Singapore Free Press*. 19 August 1959. Platforms of Five Main Parties are Outlined.
- The Straits Times*. 1 Mac 1965. Kuan Yew: Are there Enough Malaysians Now?
- The Straits Times*. 11 Mei 1965. Machinda: Sarawak Treated as 'Second Class...'.
The Straits Times. 28 April 1962. Dr. Lim and the UDP.
- The Straits Times*. 29 April 1965. Premier Lee: Target is a Malaysian Malaysia.